

Majlis Konvokesyen ke- 12 Universiti Malaysia Sabah

Majlis Konvokesyen ke-12 Universiti Malaysia Sabah telah berlangsung pada 9 hingga 11 Oktober 2010. Tarikh 10 Oktober 2010 telah mencatat memori bermakna kepada graduan Sekolah Sains dan Teknologi yang telah menerima ijazah Sarjana Muda masing-masing pada sidang keempat majlis konvokesyen tersebut. Upacara pada petang itu juga turut dihadiri oleh Dekan dan para pensyarah Sekolah Sains dan Teknologi. Berikut merupakan statistik pengijazahan bagi Sekolah Sains dan Teknologi pada majlis konvokesyen kali ini:

PROGRAM IJAZAH	JUMLAH GRADUAN			
	Penyelidikan	Kerja Kursus		
Doktor Falsafah	1		1	
Sarjana Sains				
	12	12		24
Jumlah				25
Sarjana Muda Sains dengan Kepujian	Kelas Satu	Kelas Dua: I	Kelas Dua: II	
Bioteknologi (HG07)	5	26	35	66
Biologi Pemuliharaan (HS03)	-	30	32	62
Kimia Industri (HS07)	3	42	34	79
Matematik dengan Ekonomi	-	27	56	83
Matematik dengan Komputer Grafik	-	7	15	22
Sains Sekitaran (HS11)	-	18	37	55
Geologi (HS21)	-	28	40	68
Fizik dengan Elektronik (HS22)	-	22	27	49
Teknologi Tumbuhan (HS23)	-	1	-	1
Akuakultur (HS27)	-	12	21	33
Sains Marin (HS40)	3	18	20	41
Jumlah				559
Jumlah Keseluruhan				584

Majlis konvokesyen pada tahun ini juga menyaksikan penganugerahan Ijazah Doktor Falsafah (Fizik) kepada pensyarah program Fizik dan Elektronik, Dr. Saafie Salleh dengan tajuk tesis beliau 'Fabrication and Characterisation of Zink Sulfide Optical Waveguides using Thermoelectrically Cooled Substrate Holder.' Selain daripada itu seramai dua orang kakitangan akademik iaitu Pn. Rohana Tair dan Pn. Saturi Baco juga telah dianugerahkan ijazah Sarjana dalam bidang masing-masing. Semoga para graduan Sekolah Sains dan Teknologi akan terus mempamerkan kecemerlangan yang berterusan pada masa akan datang. Tahniah dan Selamat maju jaya diucapkan kepada semua.

Artikel oleh: Hartinie Marbawi



Pelajar program Bioteknologi pada hari konvokesyen



Antara pensyarah SST yang hadir



Penganugerahan Ijazah Sarjana (Fizik dengan Elektronik) kepada Pn. Saturi Baco



Penganugerahan Ijazah Sarjana (Sains Sekitaran) kepada Pn. Rohana Tair